

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5 TAHUN 2024

BAHASA MELAYU KERTAS 3 SET 3

UJIAN BERTUTUR NASKHAH PENTAKSIR

1. Modul ini mengandungi **lapan** soalan.
2. Pentaksir dikehendaki untuk mengemukakan **satu** soalan sahaja kepada setiap calon.

AMARAN

1. Modul ini ialah modul tertutup.
2. Kandungan modul ini tidak boleh disalin, dicetak semula atau dikeluarkan dengan apa-apa cara sekalipun.
3. Modul ini mestilah diserahkan kepada Ketua Pentaksir di dalam bilik peperiksaan sebaik sahaja peperiksaan modul tamat.



Isi Kandungan Taksiran Individu

- Soalan 1:** Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan - Ekonomi Malaysia Berkembang Progresif
- Soalan 2:** Kebudayaan, Kesenian dan Estetika - Kraf Tangan
- Soalan 3:** Sains, Teknologi dan Inovasi - Kenderaan Mikromobiliti
- Soalan 4:** Bahasa dan Kesusasteraan - Lagu Rakyat
- Soalan 5:** Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan - Usaha Memajukan Usahawan Wanita
- Soalan 6:** Kebudayaan, Kesenian dan Estetika - Kuih Tradisional
- Soalan 7:** Sains, Teknologi dan Inovasi - Media Sosial
- Soalan 8:** Bahasa dan Kesusasteraan – Karya Sastera Menarik Minat Membaca

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 1

[40 markah]

TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

EKONOMI MALAYSIA BERKEMBANG PROGRESIF



Malaysia dijangka pulih semula daripada kelembapan global apabila disokong oleh pertumbuhan progresif ekonomi domestik dan unjuran prestasi ekonomi dunia yang meyakinkan pascapandemik. Sejak tiga tahun lepas, kita telah menyaksikan banyak perubahan dalam landskap global termasuk ketegangan geopolitik dan perubahan kerajaan dunia. Selain itu, pasaran kewangan yang tidak menentu juga memberi tekanan kewangan kepada ramai orang termasuk rakyat Malaysia. Walaupun Malaysia dijangka kekal mengalami pasaran tidak menentu terutamanya bagi pasaran ekuiti yang disebabkan ketidaktentuan global, namun negara dijangka terus mendapat tarikan kerana pasaran berada di bawah nilai. Dari segi faedah prospek pasaran tempatan pula, ekonomi negara kembali stabil dan berjaya meyakinkan pelabur asing ke negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 19 Februari 2023

SOALAN

1. Mengapakah Malaysia dijangka pulih semula daripada kelembapan global?
2. Apakah faedah prospek pasaran tempatan?
3. Pada pendapat anda, apakah punca ekonomi negara tidak stabil?
4. Huraikan peranan kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 2

[40 markah]

TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KRAF TANGAN



Produk kraf tangan merupakan peralatan hiasan yang dihasilkan menggunakan tangan sepenuhnya. Pada awalnya, pertukangan kraf tangan dijalankan secara kecil-kecilan dan dijual di pasaran tempatan. Kraf tangan merupakan barangan seni yang digemari oleh masyarakat kerana mempunyai tarikan yang tersendiri iaitu berunsurkan tradisional. Proses untuk menghasilkan kraf tangan agak rumit dan perlu dibuat secara teliti untuk mendapatkan hasil yang cantik supaya memperoleh permintaan yang tinggi daripada pelanggan. Tambahan pula, nilai estetika juga terdapat pada kraf tangan kerana menggunakan tenaga manusia sepenuhnya tanpa bantuan alat berteknologi tinggi dan kebiasaannya bersifat sederhana. Terdapat pelbagai jenis kraf tangan yang dihasilkan seperti almari, kerusi, meja, pintu, cincin, tabung dan sebagainya.

Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.academia.edu/39175892/>

SOALAN

1. Mengapakah masyarakat menggemari produk kraf tangan?
2. Nyatakan sebab nilai estetika terdapat pada produk kraf tangan.
3. Pada pendapat anda, apakah cara-cara untuk mempopularkan produk kraf tangan?
4. Huraikan kepentingan produk kraf tangan.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 3

[40 markah]

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KENDERAAN MIKROMOBILITI



Dewasa ini, terdapat pelbagai jenis kenderaan termasuk kenderaan mikromobiliti. Kenderaan mikromobiliti merujuk kepada penggunaan kenderaan mikro, iaitu kenderaan dengan berat yang tidak melebihi daripada 350 kilogram dengan kelajuan tidak melebihi 45 kilometer sejam. Basikal, basikal elektrik, skuter elektrik dan papan selaju elektrik adalah antara kenderaan mikromobiliti yang sering digunakan. Secara umumnya, penggunaan kenderaan mikromobiliti ini mampu membantu dalam mengurangkan kenderaan peribadi di atas jalan raya. Di samping itu, kaedah ini dapat mengurangkan penggunaan tempat letak kereta dan kesesakan jalan raya. Penggunaan kenderaan mikromobiliti ialah cara yang lebih cekap untuk mengembara dalam jarak dekat. Faedah seterusnya, kos penghasilan kenderaan ini jauh lebih murah berbanding dengan motosikal, kereta, van dan bas.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Kosmik 12 Mei 2022

SOALAN

1. Apakah yang dimaksudkan dengan kenderaan mikromobiliti?
2. Nyatakan faedah penggunaan kenderaan mikromobiliti dari segi kos.
3. Pada pendapat anda, mengapakah pengangkutan awam dikatakan kurang mendapat sambutan?
4. Huraikan langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh pengguna jalan raya.

MODUL TAMAT


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 4

[40 markah]

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

LAGU RAKYAT



Masyarakat Melayu terkenal dengan kepelbagaian seni irama dan lagu antaranya lagu rakyat. Lagu rakyat biasanya akan dinyanyikan semasa bermain, mendodoikan anak malah dijadikan hiburan setelah penat bekerja selain di majlis-majlis keraian. Lagu-lagu rakyat juga selalunya didendangkan secara berkumpulan oleh golongan belia dan kanak-kanak Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana perkembangan lagu-lagu rakyat masyarakat Melayu telah tersebar luas merentasi banyak negara meliputi pelbagai ras, rumpun dan adat budaya. Misalnya lagu Rasa Sayang agak mirip dengan Dondang Sayang yang digubah dalam bentuk pantun dan mempunyai maksud tersirat. Lagu-lagu rakyat masyarakat Melayu harus dikembangkan penggunaannya untuk memelihara keindahan bahasa. Sesungguhnya lagu rakyat terkenal di seluruh dunia dan mampu menyatupadukan masyarakat besar di alam Melayu.

Dipetik dan diubah suai daripada
Sinar Harian 18 Ogos 2019

SOALAN

1. Bilakah lagu rakyat akan dinyanyikan?
2. Nyatakan sebab lagu rakyat harus dikembangkan penggunaannya.
3. Pada pendapat anda, mengapakah generasi muda dikatakan kurang meminati lagu rakyat?
4. Huraikan peranan pihak sekolah untuk mempopularkan lagu rakyat.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 5

[40 markah]

TEMA: EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

USAHA MEMAJUKAN USAHAWAN WANITA



Program Kepimpinan dan Keusahawanan Wanita 2022 telah berupaya memperlihatkan sisi kental usahawan wanita dalam mendepani pelbagai cabaran. Penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan banyak didorong oleh faktor motivasi yang tinggi untuk mengubah nasib diri dan keluarga. Komitmen yang dipamerkan oleh usahawan wanita dalam aktiviti keusahawanan sangat memberangsangkan kerana mereka telah mengambil segala peluang dalam arena ekonomi setempat berdasarkan keupayaan yang ada. Di samping itu, usahawan wanita turut menampilkan elemen kepimpinan yang strategik untuk merealisasikan cita-cita bagi merintis kejayaan perniagaan yang diusahakan. Usahawan wanita mempunyai kebolehan dalam mengendalikan perusahaan secara dinamik. Selain itu, mereka juga bijak dalam memanfaatkan perkongsian dengan rakan sealaran perniagaan. Secara tidak langsung, hal ini telah mengukuhkan jaringan perniagaan dalam kalangan usahawan wanita.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 21 Mac 2023

SOALAN

1. Apakah faktor yang menyebabkan wanita melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan?
2. Mengapakah usahawan wanita turut menampilkan elemen kepimpinan yang strategik?
3. Pada pendapat anda, apakah persediaan-persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan?
4. Huraikan peranan kerajaan untuk menarik minat masyarakat menceburi bidang keusahawanan.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 6

[40 markah]

TEMA: KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KUIH TRADISIONAL



Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian budaya, cara hidup, adat dan agama. Makanan tradisi merupakan salah satu faktor kepelbagaian dan warna-warni budaya yang terdapat dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai contoh, masyarakat Melayu terkenal dengan kuih tradisional seperti kuih seri muka, karipap, lepat pisang, kuih baulu dan kuih koci. Manakala bagi masyarakat Cina, mereka terkenal dengan kuih bulan dan kuih bakul. Masyarakat India pula terkenal dengan makanan seperti vadai dan muruku. Kuih tradisional di Malaysia menjadi identiti dan keunikan yang tidak terdapat di negara lain. Keunikan kuih tradisional sangat penting kerana dapat menarik minat orang luar untuk mengunjungi negara ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Budaya 10 Mei 2021

SOALAN

1. Apakah contoh kuih tradisional masyarakat Melayu?
2. Nyatakan kepentingan keunikan kuih tradisional.
3. Pada pendapat anda, mengapakah kuih tradisional dikatakan kurang diminati oleh generasi muda?
4. Huraikan usaha-usaha untuk mempopularkan makanan tempatan.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 7

[40 markah]

TEMA: SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

MEDIA SOSIAL



Penggunaan media sosial kini dilihat menjadi satu keperluan dalam kalangan masyarakat. Malah, mereka yang tiada akaun media sosial pula dianggap ketinggalan dan tidak selari dengan perkembangan dunia semasa kerana semua maklumat dan perkembangan dunia boleh didapati daripada mana-mana aplikasi dalam media sosial. Kemunculan pelbagai jenis aplikasi media sosial telah menenggelamkan media tradisional di arus perdana dan kemudian memaksa masyarakat menyesuaikan diri dengan ciri-ciri yang ditawarkan di media sosial. Empat tonggak utama yang menerima tempias daripada gelombang media sosial yang semakin melebar kini ialah agama, politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, fungsi media sosial tidak boleh diketepikan pada era Revolusi Perindustrian 4.0 ini kerana segala-galanya hanya di hujung jari.

Dipetik dan diubah suai daripada
Dewan Masyarakat 16 Februari 2022

SOALAN

1. Mengapakah masyarakat dianggap ketinggalan jika tiada akaun media sosial?
2. Nyatakan empat tonggak utama yang menerima tempias daripada gelombang media sosial.
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk menggalakkan masyarakat menggunakan teknologi terkini?
4. Huraikan kepentingan penggunaan peranti elektronik.

MODUL TAMAT


BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU 8

[40 markah]

TEMA: BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Baca bahan rangsangan yang diberikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KARYA SASTERA MENARIK MINAT MEMBACA



Minat membaca karya sastera seharusnya ditanam sejak kecil melalui pendedahan oleh ibu bapa di rumah. Terdapat beberapa kaedah untuk mendekatkan diri anak-anak dengan tabiat membaca seperti membiasakan anak membaca buku cerita dan membawa mereka berkunjung ke kedai buku. Pada masa ini, banyak karya sastera boleh diakses oleh pembaca dengan mudah kerana banyak kedai menjual karya sastera dibuka seiring dengan perkembangan naskhah popular dan judul am yang lain. Kepelbagaian bahan bacaan ini memudahkan pembaca dan masyarakat umumnya untuk memilih bahan bacaan yang dikehendaki. Selain itu, jika tidak mahu membeli, mereka juga boleh meminjam bahan bacaan dari perpustakaan. Semua ini membantu dalam meningkatkan minat membaca dalam kalangan masyarakat kerana tak kenal maka tak cinta.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian 15 Julai 2022

SOALAN

1. Nyatakan kaedah untuk mendekatkan diri anak-anak dengan tabiat membaca.
2. Apakah cara untuk mengakses karya sastera dengan mudah?
3. Pada pendapat anda, mengapakah masyarakat kini dikatakan kurang membaca?
4. Huraikan peranan pihak sekolah untuk memupuk minat membaca.

MODUL TAMAT

Isi Kandungan Taksiran Kumpulan

Soalan 1: Keselamatan

Soalan 2: Pendidikan

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 1

[30 *Markah*]

TEMA : KESELAMATAN

Terdapat pelbagai langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Bincangkan.

MODUL TAMAT

BAHAGIAN B: TAKSIRAN KUMPULAN 2

[30 *Markah*]

TEMA : PENDIDIKAN

Terdapat pelbagai kepentingan penggunaan teknologi dalam pendidikan.

Bincangkan.

MODUL TAMAT